
INSTAGRAM DAN BULI SIBER DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA

Jasmyn Tan YuXuan

Universiti Sains Malaysia

jasmyntant1998@gmail.com

Rani Ann Balaraman

Universiti Sains Malaysia

rani_balaraman@usm.my

INSTAGRAM AND CYBER BULLYING AMONG TEENAGERS IN MALAYSIA

ABSTRACT

The invention of the Internet was the driving force behind the creation of social media platforms like Facebook, Twitter, Instagram, and TikTok. Instagram is a platform for sharing pictures with the world and is a favorite among many, especially the younger generation. Thanks to the emergence of social media, people can communicate and strengthen their relationships from the comfort of their homes. Sadly, this application has been misused by some people to harass others. This research aimed to investigate the causes and effects of cyberbullying on teenagers in Malaysia that occurs on Instagram. Qualitative interviews were conducted to acquire the study results, and purposeful sampling techniques were applied. The study results found that the bullying victim factor, the bully factor and the factor of wanting to stand out in social media are the leading causes of bullying in the application. At the same time, the study's results on the effects of being bullied show the positive and negative effects of online bullying.

Keywords: *Instagram, bully, teenagers, cause, effect*

PENGENALAN

Seiring dengan perkembangan teknologi masa kini, Internet telah menjadi semakin maju dan canggih (Sharipah, 2017) dan rangkaian Internet dapat dicapai pada bila-bila masa dan mana-mana sahaja (Mohd. Noorhadi & Zurinah, 2017). Internet telah memudahkan pengguna komputer dan telefon pintar untuk mendapatkan maklumat dan informasi dengan senang dan pantas (Sohana, 2016).

Alatan siber ini juga membolehkan seseorang berkomunikasi dengan orang lain secara dalam talian (Siti Ezaleila, 2016). Menurut Johnson (2021), bilangan pengguna Internet semakin meningkat dari setahun ke setahun. Sehingga Januari 2021, bilangan pengguna Internet di seluruh dunia telah mencapai 4.66 bilion, iaitu 59.5 peratus daripada populasi

global. Daripada jumlah ini, 92.6 peratus, iaitu 4.32 bilion mengakses Internet melalui peranti mudah alih (Johnson, 2021).

Perkembangan dunia siber ini membawa kepada perkembangan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat (Nadia, 2017). Media sosial menjadi semakin popular dan tidak dapat dielakkan dalam kehidupan seharian. Ia telah mengubah cara hidup masyarakat pada masa ini (Nurhamizah & Asbah, 2019). Menurut Tankovska (2021), jumlah pengguna media sosial seluruh global adalah 3.6 bilion pada tahun 2020. Angka tersebut telah meningkat sebanyak 0.18 bilion ke 3.78 bilion pada tahun 2021 dan dijangka akan meningkat lagi sehingga 4.41 pada tahun 2025.

PERMASALAHAN KAJIAN

Instagram merupakan sebuah platform rangkaian sosial dan aplikasi untuk perkongsian gambar dalam talian percuma yang diperkenalkan pada tahun 2012 (Holak, 2017). Instagram membolehkan pengguna untuk menyunting dan memuat naik gambar dan video pendek, dengan penambahan kapsyen dan *hashtag* ke atasnya. Instagram telah diasaskan oleh Kevin Systrom dan Mike Krieger di San Francisco dan menyatakan maksud Instagram adalah gabungan “kamera segera” dan telegram. Pada permulaannya, mereka cuba untuk membuat sebuah platform yang sama seperti dengan Foursquare tetapi kemudian mengalihkan perhatian mereka secara eksklusif kepada perkongsian foto (Holak, 2017).

Buli siber merupakan suatu perbuatan yang dilakukan menerusi peralatan elektronik (Kowalski et. al, 2012). Buli siber merupakan satu amalan komunikasi yang dilakukan menerusi teknologi yang bertujuan untuk membuli, menganggu, memalukan atau mengugut kehidupan seseorang melalui perkataan-perkataan yang negatif, penyebaran maklumat palsu dan perkongsian gambar atau video yang boleh menjatuhkan imej seseorang (Azianura & Mohammad, 2019). Buli siber turut didefinisikan sebagai penggunaan komunikasi yang berasaskan teknologi seperti telefon pintar, komputer riba, mesej, gambar, video dan sebagainya yang mempunyai niat untuk menganggu dan mengugut seseorang individu secara dalam talian (Brady, 2010). Menurut Yatiman et al (2020) buli siber adalah kekejaman sosial dalam talian kerana buli dilakukan melalui e-mel, khidmat pesanan ringkas (*short messaging services*—SMS), bilik sembang (*chat room*), Facebook, Twitter, laman web, dan mesej gambar digital yang dihantar melalui telefon bimbit atau komputer. Buli siber tidak semestinya dalam bentuk teks tetapi juga dalam bentuk bergambar dan video grafik (Mohd Mokhtarishah & Hasmadi, 2021).

Kegiatan buli ini terjadi apabila pelaku yang tidak dikenali di ruang siber mengirimkan mesej, gambar atau video dengan niat untuk menganggu, memalukan, memfitnah, menyakiti hati, mengugut, menghina atau menjatuhkan maruah seseorang individu (Juvonen & Gross, 2008). Kebiasaannya, pelaku yang tidak dikenali di ruang siber menghantar kandungan mesej yang bertujuan melukakan atau bertujuan menghina dan boleh menjatuhkan maruah mangsa. Pelaku juga merasa bebas untuk memperkatakan apa sahaja perkataan yang tidak boleh diterima dalam interaksi interpersonal biasa (Suriana & Khadijah Alavi, 2020).

Golongan remaja sering menunjukkan perlakuan mereka yang agresif di dalam dunia siber. (Ybarra & Mitchell, 2004). Mereka yang tidak dikenali dalam dunia siber akan menghantar kandungan yang bertujuan untuk menjatuhkan atau menghina imej dan maruah seseorang. Oleh sebab dunia siber dapat digunakan secara bebas tanpa sebarang

batasan, pelaku bebas untuk memaparkan apa-apa sahaja melalui platform media sosial. Pembuli ini sering memikirkan bahawa membuli melalui dunia siber adalah selamat kerana penggunaan nama palsu di laman sosial tidak akan membongkarkan identiti mereka yang sebenar (Jonathan, Carolyn & Kristi, 2007). Menurut Donegan (2012), kegiatan buli yang dilakukan di media sosial lebih senang dilakukan kerana tidak perlu memaparkan nama pembuli, tidak perlu berhadapan secara bersemuka dengan mangsa dan tidak perlu melihat tindak balas mangsa.

Menurut Patchin dan Hinduja (2012) buli siber boleh meninggalkan kesan yang mendalam terhadap mangsa. Ramai individu telah membunuh diri ekoran buli siber termasuklah selebriti antarabangsa seperti artis Korea, Choi Jin-ri atau lebih dikenali sebagai Sulli. Beliau ditemui mati tergantung di rumah pada 14 Oktober 2019. Kematian Sulli adalah disebabkan oleh kemurungan ekoran buli siber yang telah lama dihadapinya (Agency, 2019). Pada 24 November tahun yang sama, seorang lagi selebriti Korea, Goo Hara ditemui mati di kediamannya. Sebelum itu, Goo telah menyatakan dia berada dalam keadaan tertekan dan depresi disebabkan oleh buli siber dalam media sosial (BBC, 2019). Kajian ini melihat bagaimana platform yang banyak menggunakan gambar ini digunakan oleh netizen untuk membuli dan kesannya kepada remaja di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Shaari dan Kamaluddin (2019) mengklasifikasikan buli siber kepada sembilan jenis, iaitu buli siber dengan corak bahasa dan linguistik yang tertentu dan gangguan berterusan (*harassment*), pemalsuan maklumat seperti fakta, foto atau video (*denigration*), penyebaran berita berbentuk provokasi (*flaming*), penyamaran, pemalsuan akaun media sosial serta mencuri identiti (*impersonation*), pemerdayaan dan tipu helah (*outing and trickery*), penghendapan siber (*cyber stalking*), penisyihan (*exclusion*), ugutan dan grooming (*blackmail and grooming*) dan penyebaran gambar tidak senonoh (*inappropriate images*). Price dan Dalgleish (2010) pula berpendapat bahawa *Called Name* (Pemberian Nama Negatif), *Image of Victim Spread* (Penyebaran Foto), *Threatened Physical Harm* (Mengancam Keselamatan Fizikal) dan *Opinion Slammed* (Pendapat Yang Merendahkan) juga merupakan jenis-jenis buli siber yang lazim digunakan oleh khalayak. Yatiman Karsodikromo dan rakan-rakan (2020) menggariskan tujuh jenis buli siber dalam kajian mereka iaitu buli siber melalui mesej teks, gambar atau klip video, panggilan telefon, email, bilik sembang, mesej segera dan laman web.

Kajian Che Hasniza dan Mohd Yusri (2013) mendapati buli siber berlaku dengan cara menyebarkan gambar peribadi orang lain tanpa kebenaran, memuat naik video tanpa kebenaran, melakukan fitnah melalui media sosial, menyebarkan maklumat palsu mengenai seseorang individu, menghantar kritikan yang memalukan serta pernah menjadikan rakan sebagai bahan jenaka di media sosial. Buli secara maya boleh dilakukan dengan memuatnaikkan perkataan kejam, gambar dan video mangsa bagi menggugut, menghasut, fitnah, membala dendam sehingga pemangsa merasakan dirinya hebat dan berkuasa. Penyebaran berita-berita palsu, gambar dan video tidak baik juga merupakan cara buli dilakukan. Bentuk penyebaran yang ditularkan kadangkala tidak sahih dan tidak dapat dibendung. Sesuatu yang sudah ditularkan dan apabila sudah dikongsi di media sosial mampu mencetuskan buli siber dengan komen-komen yang panas tanpa limitasi sehingga boleh menjatuhkan reputasi seseorang (Mohd Mokhtarishah & Hasmadi, 2021).

Aziz, Jamaludin, Abdul Latif dan Zurhana (2007) menyatakan mereka yang sering menjadi mangsa tindakan agresif daripada pembuli secara umumnya mempunyai ciri-ciri seperti harga diri yang rendah, lemah, mudah tertekan serta sentiasa dalam keimbangan. Personaliti mangsa yang lemah memberi isyarat kepada pembuli bahawa mereka selamat untuk membuli mangsa dan mangsa buli ini juga tidak mampu untuk bertindak balas jika dibuli (Aziz, 2007; Olweus, 1995). Eksi (2012) mendapati individu yang mempunyai personaliti narsistik cenderung memberi kesan kepada individu lain melalui buli siber. Mangsa buli siber secara signifikannya mempunyai skor tinggi dari segi tahap neurotik berbanding yang tidak menjadi mangsa buli siber (Corcoran, 2012).

Mehari, Farrell and Le (2014) mengkategorikan punca berlakunya buli siber kepada beberapa faktor iaitu individu, keluarga, rakan sebaya dan sekolah serta situasi. Faktor individu adalah seperti empati, tidak bermoral, kepercayaan normatif tentang keagresifan, tidak berfikir panjang (*impulsivity*), tekanan, tanggungan dan penagihan dadah. Seterusnya adalah hubungan ibu bapa dengan anak yang kurang baik, iklim sekolah dan sokongan rakan sebaya. Varjas et al. (2010) pula menyatakan aktiviti buli berlaku kerana perasaan dengki dan ingin balas dendam. Kajian lepas juga menunjukkan mereka yang menjadi mangsa buli juga sebenarnya adalah pembuli (Siti Fatimah & Hamdan, 2022). Che Hasniza dan Mohd Yusri (2013) turut menyatakan bahawa mangsa buli siber adalah juga pelaku buli siber. Manakala antara faktor buli siber berlaku dalam awal dewasa ialah cemburu, menagih perhatian kawan media sosial, kapasiti ‘jaguh’ atau gengster dalam media sosial (Suriana & Khadijah, 2020). Kadangkala si pembuli hanya mahu jadi hero dan meraih perhatian (Mohd Mokhtarishah & Hasmadi, 2021). Buli siber juga kadang-kadang dikatakan hanya bermula sekadar lawak jenaka sahaja sebagai hiburan ringan semata-mata untuk menghilangkan tekanan, namun membabitkan unsur-unsur penghinaan, fitnah dan cacian, ia langsung memberi impak negatif kepada imej individu dan komuniti (Mohd Mokhtarishah & Hasmadi, 2021).

Kajian-kajian lepas mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara buli siber serta kesan terhadap kesejahteraan emosi dan psikologikal seperti menimbulkan perasaan marah, kecewa, sedih dan tertekan (Patchin & Hinduja, 2012). Antara implikasi negatif terhadap mangsa seperti kemurungan, rendah penghargaan kendiri, putus asa, keimbangan sosial, hilang tumpuan, rasa terasing sehingga cenderung untuk bunuh diri. Karsodikromo, Hamzah dan Razalli (2020) mendapati bahawa buli siber telah menyebabkan mangsa mengalami gangguan dari segi emosi, mental, tingkah laku dan sosial. Kesan buli siber ke atas emosi yang amat jelas adalah peningkatan tahap kemurungan, keimbangan dan gejala psikosomatik (Campbell, Spears, Slee, Butler & Kift, 2012; Reijntjes 2010). Ancaman terhadap mental pula akan menyebabkan risiko membunuh diri, simptom masalah psikosomatik termasuk sakit kepala, muntah, hilang selera makan, keletihan, masalah kulit, ketegangan perasaan dan sebagainya (Waters, 2011). Masalah tingkah laku seperti pencerobohan, keganasan interpersonal, penyalahgunaan dan anti sosial seperti keganasan sekolah, kenakalan serta penggunaan bahan terlarang turut merupakan kesan buli siber dari segi sosial (Hinduja & Patchin 2007).

Banyak kajian mengenai buli siber telah dilakukan dan kebanyakannya tertumpu terhadap buli terhadap golongan tertentu seperti pelajar sekolah dan pelajar universiti. Ada juga kajian yang melihat jenis-jenis buli dan kesan buli terhadap mangsa. Bagaimanapun kajian mengenai buli siber menerusi aplikasi Instagram dalam kalangan remaja di Malaysia masih belum dijalankan walaupun aplikasi Instagram adalah satu jenis media sosial yang digemari dan banyak digunakan oleh remaja. Kajian mengenai pembulian melalui aplikasi

Instagram ini sesuatu yang baru kerana kajian ini melihat bagaimana aplikasi yang banyak menggunakan gambar digunakan untuk membuli individu yang lain.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini dijalankan melalui kaedah temu bual mendalam terhadap 12 orang remaja yang pernah dibuli melalui pelbagai cara melalui aplikasi Instagram. Menurut Guest, Bunce dan Johnson (2006), bilangan pensampelan minimum adalah 12 kerana ketepuan paling kerap berlaku sekitar 12 orang responden dalam kumpulan homogen untuk penyelidikan kualitatif seperti temu bual mendalam (Latham, 2019). Teknik pensampelan yang digunakan adalah pensampelan secara bertujuan (*purposive sampling*). Individu yang dipilih sebagai responden mempunyai maklumat, perspektif kontak, atau apa-apa sahaja tujuan yang hendak dikaji oleh penyelidik (Norizah, Hasrina & Adnan, 2014). Setiap responden akan dilabelkan sebagai R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9, R10, R11 dan R12.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian yang dikumpulkan menunjukkan tiga punca utama seseorang individu itu dibuli dalam aplikasi ini: (1) faktor mangsa itu sendiri; (2) faktor pembuli; (3) sebab ingin menonjolkan diri dalam media sosial. Menjawab mengenai faktor mangsa itu sendiri responden menyatakan bahawa sikap mangsa yang tidak berani bersuara menyebabkan pembuli semakin suka dan teruskan aktiviti membuli.

Dapatkan kajian menunjukkan mereka yang paling kerap dibuli dalam Instagram ialah individu yang takut untuk bersuara. R5, R7, R8, R10 dan R12 menyatakan mereka sering dan pernah dibuli kerana tidak bersuara untuk satu-satu isu dan mengambil pendekatan untuk berdiam diri. Sebenarnya kesemua responden ini bukannya takut untuk bersuara, tetapi merasakan tidak perlu untuk memberikan sebarang komen, tetapi pendekatan berdiam diri ini membuka peluang untuk pembuli untuk bersuara dan menjatuhkan semangat responden-responden ini.

“Pernah sekali itu ada gambar kawan saya...gambar dia *posing* dengan baju baru... saya tengoklah kemudian..ok je saya tak komen tak *like*...kemudian dia WhatsApp tanya saya tengok tak gambar itu..saya kata ya...dia terus marah-marah kata, kalau dah tengok kenapa tak komen dan *like*... lepas itu di mula berikan komen-komen negatif untuk setiap gambar yang saya *post*... tak faham saya...” (Temubual R7, 5 Mei 2022).

“Saya ada masukkan gambar sedang makan di sebuah restoran mahallah... kemudian ada kawan pergi makan di tempat sama dan muatnaikkan gambar juga... lepas itu dalam komen gambar saya dia tulis saya *copy* dia...*then* marah saya supaya jangan buat macam itu lain kali...” (Temubual R12, 8 Mei 2022).

Responden juga berpendapat individu yang menjadi sasaran utama ialah mereka yang dikatakan tidak mempunyai paras rupa yang menarik. Responden menyatakan ramai pengguna Instagram memasukkan gambar yang telah disunting dengan menggunakan pelbagai aplikasi dan kelihatan cantik. R2 menyatakan walaupun beliau mempunyai paras

rupa yang agak baik, tetapi sering menjadi sasaran buli kerana dikatakan tidak mencapai taraf kecantikan ditetapkan. Gambar beliau yang asli dan tidak diedit pula dikatakan tidak menarik dan dijadikan sebagai sasaran untuk dibuli. Antara cara responden ini dibuli ialah dengan memberikan komen-komen yang tidak baik dalam bahagian komen apabila gambar beliau dimuat naik. Antara perkataan yang digunakan ialah “anjing”, *fuck, bitch, ugly, do you ever see mirror before*, dan sebagainya.

“Insta ini kan, saya masukkan banyak gambar, saya tak edit gambar sebab saya memang tak tahu nak edit. Saya banyak muatnaikkan gambar sebagai koleksi...tapi kan setiap kali saya nak masukkan, ada orang akan kacau kata muka hodohlah, tak cantiklah, jangan masukkan gambar tak cantiklah...”(Temubual R1, 9 Mei 2022).

“Orang ini semua nak tengok gambar cantik je...gambar-gambar yang realiti tak nak tengok...bagi komen negatif setiap masa.”(Temubual R6, 6 Mei 2022).

Menurut R5 pula, kurangnya kepekaan remaja yang tidak sedar apa-apa yang dilakukan mereka adalah betul atau tidak juga menyumbangkan kepada berlakunya buli siber dalam aplikasi ini. Kadangkala pengguna Instagram memuatnaikkan semua perkara tanpa penapisan dan ini menimbulkan konflik yang tidak diingini dalam kalangan pengikut mereka. R7 pula berpendapat gurauan yang dilakukan atas alasan berhibur dan jenaka sebenarnya banyak membawa kepada perbuatan buli. Remaja sering menganggap perbuatan memberikan komen-komen lucu, kasar, *body shaming* dan sebagainya merupakan sesuatu gurauan tetapi mereka kurang faham bahawa ia juga merupakan sejenis buli siber. Perbuatan seperti ini olah-olah menjadi norma yang baharu dalam kalangan remaja. Contohnya R7 pernah dibuli atas nama jenaka dengan menggunakan perkataan-perkataan seperti “tidak berotak”, “anjing betina”, “muka you hodoh”, “pendek” dan sebagainya.

“Budak-budak ini tak ada *common sense*...ingat semuanya lucu. Mereka ini tak ada batasan dalam bergurau.” (Temubual R7, 5 Mei 2022).

Berbincang mengenai faktor pembuli itu sendiri, faktor yang pertama ialah pembuli suka melakukan aktiviti membuli ini kerana mereka cemburu akan kelebihan yang dimiliki oleh rakan-rakan yang lain. Untuk menutup perasaan cemburu ini, golongan ini melakukan aktiviti membuli. R1 menyatakan pembuli yang dengki akan kehidupan orang lain yang lebih bagus dengan melihat gambar-gambar yang dimuatnaikkan dalam aplikasi ini, menyebabkan mereka rasa terhina dan menyebabkan mereka melakukan perbuatan membuli. Perbuatan ini seolah-olah memberikan kepuasan kepada pembuli. Mereka tidak ingin melihat orang lain lebih bahagia, mewah atau bagus dari segala segi jika dibandingkan dengan diri mereka. Golongan ini akan menjadi teruja dalam memberikan komen-komen negatif jika melihat ada individu memuatnaikkan gambar seperti bercuti, membeli kenderaan baru, makan di restoran yang mewah, bergambar dengan artis dan sebagainya. Jadi apa-apa sahaja gambar yang dimuatnaikkan akan menerima komen negatif. Mereka ini juga dikatakan akan bertindak dengan pantas sebelum orang lain mula memberikan komen. Ini kerana komen negatif yang pertama akan mempengaruhi orang lain untuk turut memberikan komen negatif.

“Saya masukkan gambar biasa macam dengan kawan atau makan-makan... tak ada apa...tapi kan tiba-tiba kena kecam sebab masukkan gambar pergi melancong. Terus kata, saya menunjuklah, saya tak jaga perasaan orang lah...entahlah.” (Temubual R8, 15 Mei 2022).

“Laju je diaorang komen...*then* dia macam *chain effect* tau..orang pertama komen tak baik *then* orang lain semua mula komen tak baik.” (Temubual R4, 10 Mei 2022).

Responden juga menyatakan, pembuli siber lazimnya tidak menyenangi gaya hidup mangsanya. Mereka akan memandang mangsanya dengan pandangan negatif dan menggunakan kata-kata negatif untuk menjatuhkan semangat mangsa. Antaranya ialah “anjing”, “bitch” dan “whore” untuk memarahi mangsa. Pembuli ini akan melihat gambar-gambar yang dimuatnaikkan oleh mangsa dan menyerang dengan memberikan komen-komen negatif untuk gaya pemakaian, cara ambil gambar, cara berdiri, cara senyum, gaya rambut, malah kasut yang dipakai juga diteliti untuk dijadikan sebagai bahan untuk membuli. R3 menyatakan sudah beberapa kali menerima komen negatif selepas memuat naik gambar percutiannya bersama keluarga dan kawan-kawan dalam Instagram. Ini menyebabkan R3 mula mengurangkan aktiviti memuatnaikkan gambar-gambar sedemikian dan memilih untuk menjadi pengguna pasif dalam platform berkenaan.

“Apa sahaja gambar yang saya *post*, ada je yang tak puas hati...saya pun tak tahu kenapa. *Sometime* kata-kata yang ditulis itu tak perlu pun. Mungkin saya nampak kaya atau mewah dalam gambar-gambar itu, so orang itu ta boleh *move on* dengan kelebihan saya.” (Temubual R1, 6 Mei 2022).

Responden juga berpendapat pembuli sebenarnya menggunakan Instagram sebagai platform untuk meluahkan perasaan mereka. Jadi golongan ini akan mencari mangsa yang mereka kenali atau sesiapa sahaja secara rawak untuk membuli. Golongan ini tidak mempunyai kawan di dunia sebenar. Jadi mereka cuba mencari kawan melalui Instagram dan merasakan mereka boleh bercakap apa sahaja dalam talian. Sifat merasakan diri mereka sebagai kebal di belakang skrin menyebabkan mereka bersikap kasar dan mengeluarkan kata-kata yang melampau jika merasakan diri mereka tidak dilayan oleh kawan di alam maya mereka.

“Ada orang ini tak berani buat apa-apa secara realiti, tetapi berani depan *screen*... semua berani nak cakap dan komen.”(Temubual R5, 22 Mei 2022).

Faktor ketiga iaitu faktor ingin menonjolakan diri dalam media sosial. Responden menyatakan remaja ingin memperolehi lebih banyak pengikut dalam Instagram dan sanggup melakukan apa sahaja termasuk menyebarkan berita palsu. Dengan adanya *Story* dalam Instagram , apa-apa sahaja dapat disebarluaskan dengan lebih laju. Seorang individu berkongsi kepada individu yang lain dan kemudian berkongsi kepada orang ramai. Perkara seperti ini banyak berlaku dalam kalangan remaja di mana mereka akan menggunakan *tagging* untuk menyebarkan sesuatu perkara. Berita palsu yang disebarluaskan melalui Instagram ini menjadi tular dan tersebar dengan cepat tanpa terkawal. Dengan cara penyebaran berita palsu ini, seseorang akan menjadi sangat popular sebab bukan semua orang tahu benda yang disebarluaskan itu adalah palsu.

Menurut R9, remaja kini amat suka mengikuti trend semasa. Apabila mereka mendapati khalayak sedang membuli buli seseorang contohnya memberikan komen negatif, sebarkan berita atau gambar-gambar yang diedit selepas diambil dari aplikasi ini untuk tujuan memalukan atau menjatuhkan air muka seseorang, mereka yang lain juga akan mengikut. Hal ini kerana mereka takut jika tidak mengikut untuk membuli bersama-sama, mereka pula akan menjadi mangsa yang seterusnya. R9 pernah dibuli kawannya sendiri kerana mengikut trend kawan-kawan lain. Kawannya mula membuat *body shaming* ke atas dirinya kerana melihat orang lain melakukan demikian walaupun dia tidak pernah berkelakuan sedemikian sebelum ini. Kawan R9 berbuat demikian semata-mata untuk menunjukkan dirinya *sporting* dengan menghina bentuk badan R9.

Beliau juga berpendapat bahawa manusia kini mengambil kesempatan untuk menggunakan *anonymity* demi kepentingan diri sendiri. Oleh itu, akaun palsu dalam media sosial, terutamanya Instagram, yang semakin banyak menjadikan isu buli siber semakin teruk. Menurut beliau akaun-akaun palsu ini menyemarakkan lagi perbuatan buli siber. R9 menyatakan kebanyakan mereka yang pernah membulunya menggunakan akaun palsu dengan nama-nama seperti *imnotyourkindofgirl*, *Yangyu Hu*, *Haoyu Wang*. Golongan ini menggunakan gambar-gambar profil seperti gambar perempuan yang cantik dan seksi, gambar bunga dan lain-lain.

Kesan Buli terhadap mangsa

Berbincang mengenai kesan buli siber melalui Instagram ini pula, ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu positif dan negatif. Ramai responden memberikan jawapan bahawa walaupun buli merupakan satu aktiviti yang tidak baik dan sangat negatif tetapi pembulian yang berlaku kepada mereka menyebabkan mereka belajar banyak perkara dan menjana pendapatan untuk mereka.

Menurut R2, beliau kini lebih berwaspada dan berhati-hati semasa memuat naik apa-apa gambar atau *story* dalam Instagram. R3 pula belajar untuk menjadi lebih sensitif dan lebih peka mengenai apa-apa yang sedang berlaku di sekelilingnya, termasuk apa-apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan dengan aplikasi ini. R7 juga mempunyai pendapat yang sama dengan R3, iaitu mangsa yang terlibat dengan buli siber lazimnya akan berhati-hati dengan segala kelakuan mereka kerana takut akan menjadi mangsa buli lagi.

Menurut R4, kesan yang paling ketara yang berlaku ke atas dirinya ialah dia telah belajar untuk lebih merendah diri dalam media sosial seperti Instagram. Beliau akan menapis sebelum memuat naik apa-apa sahaja kandungan dalam Instagram dan hanya akan memuat naik perkara yang membina dan bersifat hiburan sahaja. Beliau menyedari bahawa memuat naik posting yang menunjukkan kegembiraan, kejayaan dan pencapaiannya pada aplikasi ini tidak memberikan faedah kepada dirinya kerana pasti ada yang tidak berpuas hati dan akan memberi komen negatif. Bagi R4 lebih baik berkongsi kebahagiaan dengan ahli keluarga dan rakan berbanding berkongsi dengan kawan maya.

“Dunia maya ini hanya kosmestik. Tak perlu hendak menunjuk nunjuk di sana. Lebih baik jadi pengguna pasif sahaja.” (Temubual R2, 15 Mei 2022).

R6 menyatakan bahawa daripada buli siber yang berlaku terhadapnya, dia berpeluang memperoleh komisen daripada postingnya di Instagram. Apabila dia menjadi “popular”

kerana dibuli, terdapat pihak yang menghubungi beliau untuk menyediakan peluang pekerjaan kepadanya. Misalnya, umpan klik (*clickbait*) di Instagram. Jika dia berkongsi sesuatu *story* di Instagram berserta dengan pautan tersebut, dia akan mendapat komisen apabila orang lain mengeklik pautan tersebut.

“Mereka yang buli, saya yang dapat duit...hahahah.” (Temubual R6, 6 Mei 2022).

Dari sudut negatif pula, responden menyatakan kesan yang paling jelas adalah kemurungan. Menurut R1, dia telah menghadapi kemurungan selepas dibuli dan tidak membuka aplikasi ini untuk satu tempoh yang lama kerana masih tidak dapat menerima kenyataan bahawa ada orang yang membuli dirinya walaupun tidak mengenalinya. Beliau juga berasa dirinya tertekan sehingga tidak berselera untuk makan dan tidak dapat tidur dengan lena untuk tempoh yang lama. Beliau berasa malu, mual, marah, bodoh dan perubahan mood secara tiba-tiba.

“Saya rasa diri saya tidak berguna langsung kerana gagal untuk mempertahankan diri saya sendiri.” (Temubual R1, 9 Mei 2022).

R10 pula mengatakan bahawa apabila dia terfikir akan buli siber yang dialami, dia akan berasa murung secara tiba-tiba. Dia juga berpendapat bahawa pembuli siber akan menganggap bahawa membuli orang lain merupakan perkara yang kecil tetapi mereka tidak mengetahui bahawa ia akan meninggalkan kesan yang negatif sepanjang kehidupan mangsa tersebut. R10 mengambil masa yang lama untuk menerima kenyataan dan meneruskan hidup beliau. Walaupun buli yang dilakukan ke atas dirinya berlaku dalam alam siber, tetapi mereka yang mengenali dirinya, terutamanya kawan-kawan sekolah yang berkawan dalam aplikasi ini telah memberitahu perkara dirinya dibuli kepada ahli keluarnya. Perbuatan ini menyebabkan seluruh ahli keluarganya juga terkesan akibat dirinya ditindas oleh orang lain.

Menurut R2, buli siber akan menjadikan kesihatan mental dan emosi seseorang individu. Beliau telah menjadi lebih *introvert* dan rendah diri selepas kejadian buli ke atas dirinya. Beliau juga kurang aktif dalam media sosial kerana risau pembuli akan mengecamnya. R2 merasakan dirinya lebih tenang jika tidak melihat media sosial terutamanya Instagram.

“Saya padam terus aplikasi ini dan aplikasi media sosial yang lain. Kadang-kadang hendak pegang *phone* pun saya takut.” (Temubual R2, 8 Mei 2022).

R5 berpendapat bahawa depresi, kegelisahan dan idea bunuh diri semua melanda diri beliau selepas dirinya dibuli beberapa kali melalui aplikasi ini. Dia juga berasa letih dari segi emosi. Beliau menyatakan dirinya lebih berhati-hati dalam segala perbuatannya kerana dia tidak bersedia untuk menghadapi khalayak kerana merasakan dirinya perlu lebih berhati-hati terhadap dunia sekeliling.

Buli siber turut boleh menyebabkan kesan ke atas perhubungan sosial misalnya, mangsa akan mengelakkan diri dari dunia dan aktiviti sosial, sikap berdiam diri dan sebagainya. Menurut R3, dia tidak boleh menjadi diri sendiri dan meluahkan perasaan dan pandangan sendiri. Dia hanya boleh memalsukan diri untuk mencapai jangkaan yang diperlukan dalam alam maya. R5 pula mengatakan dia lebih berhati-hati dan tidak percaya kepada kawan kerana kawannya sendiri yang mendedahkan identitinya dalam aplikasi *gay* sehingga

menyebabkan dia menjadi mangsa buli siber. R3 menyatakan akaun dalam aplikasi *gay* itu dicipta hanya sebagai hiburan tetapi tidak sangka akhirnya kerana itu dirinya dibuli dengan sangat teruk. Beliau telah mengalami buli siber melalui penghantaran mesej terus oleh pembuli dalam Instagram untuk menganggu dan mengajaknya keluar untuk berseronok. Pembuli-pembuli yang bersifat *gay* ini juga menghantar gambar pornografi kepadanya sehingga menyebabkan beliau berasa tidak selesa, mual, jijik dan malu pada diri sendiri.

“Salah saya juga sebab main-main dalam media sosial, sekarang saya kena sendiri.”
(Temubual R3, 10 Mei 2022).

PERBINCANGAN

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu untuk mengkaji punca buli siber melalui Instagram dalam kalangan remaja di Malaysia serta mengkaji kesan-kesan buli siber terhadap mangsa-mangsa ini. Hasil kajian telah menunjukkan hampir semua punca adalah bersifat negatif termasuk perasaan cemburu dan sikap pembuli siber yang sompong. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Varjas et al. (2010). Beliau telah mengenal pasti bahawa terdapat beberapa faktor motivasi dalaman seperti perasaan dendki dan ingin balas dendam merupakan pendorong kepada perlakuan buli siber. Remaja yang memberontak dalam diri mereka dan tidak berupaya untuk berterus terang dan terpaksa menyembunyikan ketidakpuasan hati, perasaan negatif dan pergolakan jiwa. Lama-kelamaan perasaan sedemikian akan menjadi negatif seperti cemburu dan dendki sehingga mendorong mereka melakukan buli siber. Kajian ini juga selari dengan kajian lepas yang dilakukan oleh Mehari, Farrell dan Le (2014) juga mengkategorikan punca berlakunya buli siber kepada beberapa faktor termasuk individu. Faktor individu adalah seperti empati, tidak bermoral, kepercayaan normatif tentang keagresifan, tidak berfikir panjang (*impulsivity*), tekanan, tanggungan dan penagihan dadah. Hasil kajian ini telah menunjukkan punca-punca buli siber kebanyakannya adalah disebabkan oleh faktor individu dan sikap yang terdapat pada diri sendiri.

Objektif kedua, iaitu kesan-kesan buli siber di Instagram terhadap mangsa pula menunjukkan kebanyakan mangsa telah mengalami impak seperti kemurungan dan kesihatan mental terjejas. Kedua-dua impak ini merupakan antara kesan yang boleh dilihat secara jelas dalam kalangan responden yang ditemu bual. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian lepas yang dilakukan oleh Perren, Dooley, Shaw dan Cross (2010) yang menunjukkan bahawa buli siber telah memberi kesan yang amat besar terhadap emosi pelajar. Tambahan pula, hasil kajian turut mendapati sesetengah mangsa mempunyai fikiran untuk membunuh diri ekoran kesihatan mental yang disebabkan oleh buli siber. Hasil kajian ini juga selari dengan kajian lepas oleh Beckman, Hagquist dan Hellström (2012) yang menjelaskan bahawa mangsa siber berpeluang untuk menghadapi masalah kesihatan mental. Sesetengah mangsa yang ditemu bual telah menyatakan mereka mempunyai fikiran untuk membunuh diri ekoran buli siber. Hasil kajian ini juga sama dengan kajian lepas yang dilakukan oleh Waterrs (2011) yang mendapati bahawa tingkah laku buli menyebabkan mangsa terdorong untuk membunuh diri.

Bagaimanapun hasil kajian ini mendapati pembulian melalui aplikasi Instagram ini bukan sahaja membawa kesan buruk kepada mangsa, tetapi ada mangsa menganggap pembulian terhadap diri mereka memberikan kesan baik iaitu menjana wang kepada mereka. Ini kerana pembulian yang dilakukan terhadap mereka secara tidak langsung menyebabkan

mereka menjadi terkenal. Dapatan kajian ini merupakan satu dapatan yang baru harus diberikan perhatian kerana mangsa buli yang selalunya dikaitkan dengan perkara negatif, sebenarnya bangkit menjadikan kejadian buruk terhadap mereka untuk menjadi sesuatu yang baik.

Selain itu pembulian ini memberikan satu pengajaran hidup yang baik terhadap mangsa iaitu jangan muatnaikkan apa sahaja dan segala yang hendak dimuatnaikkan di media sosial harus ditapis dahulu. Pengajaran ini merupakan sesuatu yang perlu untuk setiap remaja di negara ini kerana memahami cara penggunaan media sosial adalah satu keperluan untuk golongan ini. Remaja juga belajar mengenai privasi dan tidak membuli orang lain akibat dari pengajaran yang mereka dapat. Ini secara tidak langsung dapat menangani masalah buli siber di negara ini. Pengguna Internet perlu mempunyai ilmu kesedaran mengenai alam siber. Hal ini bermaksud bahawa masyarakat perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan tentang Internet. Dengan adanya kesedaran, maka risiko menjadi mangsa siber boleh dikurangkan dalam kalangan pengguna Internet (Muhammad Adnan, Siti Zobidah & Akmar Hayati, 2019).

KESIMPULAN

Dapatan kajian telah membuktikan bahawa isu buli siber masih merupakan masalah yang paling utama dalam kalangan remaja di Malaysia. Mereka menggunakan pelbagai kemudahan dan aplikasi dalam untuk melakukan perbuatan kurang bertanggungjawab ini. Buli siber juga sebenarnya boleh berlaku terhadap sesiapa sahaja dan tidak semestinya orang terkenal seperti artis sahaja yang dibuli. Pembuli tidak mengira mangsa, bagi mereka membuli memberikan kepuasan dan menunjukkan mereka hebat di alam maya. Khalayak tidak kira bangsa atau agama seharusnya menjadi pengguna Internet yang bijak dan bertanggungjawab. Mereka sewajarnya dapat membezakan yang betul dan salah. Mereka juga harus mengetahui bahawa mungkin sesuatu tindakan kecil mereka akan memberikan kesan yang besar terhadap kehidupan orang lain. Dalam hal ini pendedahan mengenai buli siber dan etika pengguna media sosial harus didedahkan pada anak-anak sejak dari usia muda lagi.

RUJUKAN

- Agency (2019, 14 Oktober). Dead K-pop star Sulli was target of cyberbullies. *The Star*. Dimuat turun dari <https://www.thestar.com.my/lifestyle/entertainment/2019/10/14/sulli-target-cyber-bullies/>
- Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin (2019). Buli siber: Ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(6), 1-16.
- Aziz Yahya, Jamaludin Ramli, Abdul Latif Ahmad & Zurhana Muhamad (2007). *Buli*. Skudai, Johor: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- BBC (2019, November 24). K-Pop artist Goo Hara found dead at home aged 28. *BBC News*. Dimuat turun dari <https://www.bbc.com/news/world-asia-50535937>
- Beckman, L., Hagquist, C., & Hellström, L. (2012). Does the association with psychosomatic health problems differ between cyberbullying and traditional bullying? *Emotional and Behavioural Difficulties*. 17(3-4), 421-434.

- Brady, K. P. (2010). Cyberbullying. *Encyclopedia of law and higher education*. Sage Publications, Inc.
- Campbell, M., Spears, B., Slee, P., Butler, D., & Kift, S. (2012). Victims' perceptions of traditional and cyberbullying, and the psychosocial correlates of their victimisation. *Emotional and Behavioural Difficulties*, 17(3-4), 389–401.
- Che Hasniza Che Noh, & Mohd Yusri Ibrahim. (2014). Kajian penerokaan buli siber dalam kalangan pelajar UMT. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 134, 323–329.
- Corcoran, L., Connolly, I., & O'Moore, M. (2012). Cyberbullying in Irish schools: An investigation of personality and self-concept. *The Irish Journal of Psychology*, 33(4): 153–165.
- Donegan, R. (2012) Bullying and cyberbullying: History, statistics, law, prevention and analysis. *Journal of Undergraduate Research in Communications*, 3(1), 33–42.
- Eksi, F. (2012). Examination of narcissistic personality traits' predicting level of internet addiction and cyber bullying through path analysis. *Educational Sciences: Theory and Practice*, 12(3): 1694–1706.
- Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L. (2006). How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods*, 18(1), 59–82.
- Hinduja, S., & Patchin, J. W. (2007). Offline consequences of online victimization: School violence and delinquency. *Journal of School Violence*, 6(3), 89–112.
- Holak, B., & McLaughlin, E. (2017). Definition Instagram. *Techtarget.com*.
- Johnson, J. (2021). Worldwide digital population as of January 2021. *Statista*. Dimuat turun dari <https://www.statista.com/statistics/617136/digital-populationworldwide/#:~:text=How%20many%20people%20use%20the,the%20Internet%20via%20mobile%20devices>
- Juvonen, J., & Gross, E. F. (2008). Extending the school grounds? Bullying experiences in cyberspace. *Journal of School Health*, 78(9), 496–505.
- King, J. E., Walpole, C. E., & Lamon, K. (2007). Surf and turf wars online—growing implications of internet gang violence. *Journal of Adolescent Health*, 41(6), S66–S68.
- Kowalski, R. M., Limber, S. P., & Agatston, P. W. (2012). *Cyberbullying: Bullying in the digital age*. Ed. Ke-2. John Wiley & Sons.
- Latham, J. (2019). *Qualitative sample size – How many participants is enough?* Dimuat turun dari <https://www.drjohnlatham.com/many-participants-enough/>.
- Mehari, K. R., Farrell, A. D., & Le, A. H. (2014). Cyberbullying among adolescents: Measures in search of a construct. *Psychology of Violence*, 4(4): 399–415.
- Mohd. Noorhadi Mohd. Yusof & Zurinah Tahir (2017). Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *e-Bangi, Journal of Social Sciences and Humanities*. 12(3), 1-10.
- Muhammad Adnan Pitchan, Siti Zobidah Omar, & Akmar Hayati Ahmad Ghazali, (2019). Amalan keselamatan siber pengguna Internet terhadap buli siber, pornografi, e-mel phishing dan pembelian dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 212–227.
- Mohd Mokhtarishah Mohamed Mokhtar & Hasmadi Hassan, (2021). Pengaruh faktor persepsi negatif dan budaya tular terhadap buli siber di media sosial dalam kalangan pelajar dan golongan muda. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1, 16–36.
- Nadia Fauzi (2017). Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: suatu

- kebaikan atau keburukan? Dimuat turun dari <http://www.ilkap.gov.my/download/kertaspenyelidikan/PMSDDTS18122017.pdf>
- Nurhamizah Hashim, & Asbah Razali, (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibubapa dan anak-anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 337–352.
- Olweus, D. (1995). Bullying or peer abuse at school: Facts and intervention. *Current Directions in Psychological Science*, 4(6), 196-200.
- Patchin, J. W., & Hinduja, S. (Eds.). (2012). *Cyberbullying prevention and response: Expert perspectives*. Routledge.
- Perren, S., Dooley, J., Shaw, T., & Cross, D. (2010). Bullying in school and cyberspace: Associations with depressive symptoms in Swiss and Australian adolescents. *Child and Adolescent Psychiatry and Mental Health*, 4, 1-10.
- Price, M., & Dalgleish, J. (2010). Cyberbullying: experiences, impacts and coping strategies as described by australian young people. *Youth Studies Australia*, 29(2), 51–59.
- Shaari, A. H., & Kamaluddin, M. R. (2019). Buli siber: Ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *e-BANGI*, 16, 1-16.
- Sharipah Ab Gani (2017, Mac). Kebaikan dan keburukan teknologi maklumat. Muat turun dari https://www.researchgate.net/publication/315456812_kebaikan_dan_keburukan_teknologi_maklumat
- Siti Ezaleila Mustafa, (2016). Penggunaan laman sosial dan impaknya terhadap hubungan persahabatan dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 65-81.
- Siti Fatimah Ahmad, & Hamdan Said, (2022). Buli Siber melalui media sosial dalam kalangan pelajar: Satu kajian rintis. *Prosiding ICIE: International Conference on Islamic Education* (Vol. 2, pp. 333–340). Jawa Tengah: Institut Agama Islam Negeri Kudus.
- Sohana Abdul Hamid (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities, Special Issue 1* (October 2016) 214-226.
- Suriana Che Awang, & Khadijah Alavi, (2020). Buli siber: impak emosi dalam kalangan pelajar UKM. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1–9.
- Tankovska, H. (2021). Number of global social network users 2017-2025. *Statistics*. Dimuat turun dari Number of worldwide social network users 2027 | Statista
- Varjas, K., Talley, J., Meyers, J., Parris, L., & Cutts, H. (2010). High school students' perceptions of motivations for cyberbullying: An exploratory study. *Western Journal of Emergency Medicine*, 11(3), 269.
- Waters, K. (2011, March). Teenage bullies: Might not right. In *Phi Kappa Phi Forum* (Vol. 91, No. 1, pp. 7-10). Honor Society of Phi Kappa Phi.
- Yatiman Karsodikromo, Mohd Razimi Husin, Abdul Rahim Razali & Hazalizah Hamzah, (2020). Buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah di daerah Samarahan, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 13(2), 38-47.
- Ybarra, M. L., & Mitchell, K. J. (2004). Online aggressor/targets, aggressors, and targets: A comparison of associated youth characteristics. *Journal of child Psychology and Psychiatry*, 45(7), 1308-1316.